

## **PERATURAN BOLING TENPIN**

### **1. UNDANG-UNDANG**

- 1.1 Selain daripada Peraturan Am dan peraturan-peraturan yang terkandung, maka pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan Pertandingan Kongres Boling Malaysia (MTBC) dan FIQ.
- 1.2 Sekiranya timbul perselisihan dari segi pentafsiran, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dirujuk.
- 1.3 Sebarang kejadian di luar jangkaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Semua peraturan akan diputuskan berdasarkan Peraturan Am.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berdasarkan peraturan FIQ.
- 1.4 Semua keputusan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MSKPP Malaysia.

### **2. PEMBENTUKAN PASUKAN**

- 2.1. Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan satu pasukan campuran yang terdiri daripada:

<b>Bil</b>	<b>Status</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>	<b>Jumlah</b>
1	Pengurus	1	-	1
2	Jurulatih	1	-	1
3	Peserta	5	5	10
	<b>Jumlah</b>	<b>7</b>	<b>5</b>	<b>12</b>

### **3. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN**

- 3.1 VIP –khas untuk Pegawai-pegawai Penyelia Kanan Sukan , Penyelia Sukan dan pegawai di unit Sukan di Jabatan Pendidikan Negeri
- 3.2 Perseorangan/bergu/berpasukan Lelaki
  - Seorang pengurus
  - Seorang Jurulatih
  - 5 orang pemain lelaki
- 3.3 Perseorangan/bergu/berpasukan Wanita
  - Seorang Pengurus
  - Seorang Jurulatih
  - 5 orang pemain wanita

### **4. SISTEM PERTANDINGAN**

- 4.1 Acara VIP – tiga "game"/permainan seorang.
- 4.2 Acara lain
  - 4.2.1 6 "game"/permainan seorang bagi acara bergu dan trio

- 4.2.2 4 game /permainan seorang bagi acara berpasukan 6 sepasukan
- 4.2.3 Jatuhan pin keseluruhan yang diperoleh setiap pemain yang mengambil bahagian akan diambil kira untuk menentukan pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan.
- 4.2.4 Setiap pemain akan bermain sebanyak permainan (games) yang telah ditetapkan.

## **5. CARA PERTANDINGAN**

### **5.1 Acara Perseorangan Lelaki dan Wanita**

- 5.1.1 Semua pemain yang mendaftar layak bagi acara perseorangan Lelaki dan Wanita.
- 5.1.2 Pemenang acara ini ditentukan melalui jatuhan pin pemain yang bermain bagi acara beregu dan trio.

### **5.2 Acara Beregu Lelaki dan Perempuan**

- 5.2.1 Setiap pasukan yang telah mendaftar layak untuk menghantar satu Beregu Lelaki dan satu Beregu Wanita bagi mewakili MSKPP Negeri masing-masing.
- 5.2.2 Setiap pemain acara Beregu Lelaki/Wanita akan bermain sebanyak 6 permainan .
- 5.2.3 Jatuhan pin keseluruhan yang diperolehi oleh setiap beregu yang mengambil bahagian dalam acara ini akan diambil kira untuk menentukan pemenang bagi acara Beregu Lelaki/Wanita.
- 5.2.4 Sekiranya berlaku keputusan seri, maka jatuhan pin permainan terakhir beregu akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

### **5.3 Acara Trio Lelaki dan Wanita**

- 5.3.1 Setiap pasukan yang telah mendaftar layak untuk menghantar satu pasukan Trio Lelaki dan satu pasukan Trio Wanita bagi mewakili MSKPP Negeri masing-masing.
- 5.3.2 Setiap pemain acara Trio Lelaki/Wanita akan bermain sebanyak 6 permainan.
- 5.3.3 Jatuhan pin keseluruhan yang diperolehi oleh setiap pasukan Trio yang mengambil bahagian dalam acara ini akan diambil kira untuk menentukan pemenang bagi acara Trio Lelaki/Wanita.
- 5.3.4 Sekiranya berlaku keputusan seri, maka jatuhan pin permainan terakhir Trio akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

### **5.4 Acara Berpasukan 6 Sepasukan (3 Lelaki dan 3 Wanita)**

- 5.4.1 Setiap pasukan yang telah mendaftar layak untuk menghantar satu pasukan sahaja (3 Lelaki dan 3 Wanita) bagi mewakili MSKPP negeri masing-masing
- 5.4.2 Setiap pemain akan bermain sebanyak 4 game seorang
- 5.4.3 Jumlah jatuhan pin keseluruhan 6 pemain diperolehi oleh setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam acara ini akan diambil kira untuk menentukan pemenang
- 5.4.4 Sekiranya berlaku keputusan seri, maka jatuhan pin permainan terakhir acara ini akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

### **5.5 Acara Berpasukan**

- 5.4.1 Setiap pasukan yang menyertai acara Beregu dan Trio Lelaki dan Wanita layak untuk memenangi acara berpasukan.
- 5.4.2 Pemenang acara ini ditentukan melalui jatuhan pin acara Beregu dan Trio pasukan MSKPP Daerah yang menyertai pertandingan MSKPPJ.
- 5.4.3 Sekiranya berlaku keputusan seri, maka jatuhan pin permainan terakhir beregu dan trio akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

### **5.6 Menentukan Johan Keseluruhan Pasukan**

5.5.1 Pemenang keseluruhan akan ditentukan mengikut pungutan mata bagi pemenang setiap acara yang dipertandingkan

5.5.1.1	Johan	5 Mata
5.5.1.2	Naib Johan	3 Mata
5.5.1.3	Ketiga	2 Mata
5.5.1.4	Keempat	1 Mata

5.5.2 Sekiranya berlaku keputusan seri dalam jumlah pengiraan mata maka jumlah urutan pingat akan diambil kira.

## **6. PENENTUAN PEMENANG.**

- 6.1 Perseorangan – terbuka kepada semua pemain yang bertanding
- 6.2 Bergu – jumlah jatuhan pin 2 pemain terbaik dalam pasukan
- 6.3 Trio – jumlah jatuhan pin 3 pemain lain dalam pasukan
- 6.4 6 Sepasukan – jumlah jatuhan pin pasukan 3 pemain lelaki dan 3 pemain wanita
- 6.5 Pasukan - jumlah jatuhan pin keseluruhan 5 pemain dalam pasukan lelaki dan wanita
- 6.6 Keseluruhan – jumlah jatuhan pin pemain lelaki dan wanita negeri

## **7. BAYARAN**

- 7.1 Bayaran penyertaan sebanyak RM300.00 sepasukan.
- 7.2 Bayaran pemain hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya semasa mesyuarat Pengurus Pasukan.

## **8. BANTAHAN**

Sila rujuk Peraturan Am MSKPP Malaysia (Peraturan 15)

## **9. LEMBAGA JURI RAYUAN**

Sila rujuk Peraturan Am MSKPP Malaysia (Peraturan 16)

## **10. PERKARA-PERKARA LAIN**

Bagi perkara-perkara yang tidak dibekalkan/dinyatakan dalam Undang-Undang dan Peraturan Am MSKPP Malaysia, Jawatankuasa Pengelola adalah berhak membuat keputusan dan segala keputusannya adalah muktamad.